



MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN PROGRAM AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN DAN PENYERAHAN KUNCI RUMAH PBR

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATO' HJ. HASAN BIN MALEK
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR**

LADANG TERNAKAN LEMBU FIDLOT INAS,
NEGERI SEMBILAN
17 OGOS 2009
9.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Dato' Borhanudin,
Pengarah RISDA Negeri Sembilan

Pegawai-Pegawai RISDA

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan pekebun kecil yang
dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Penyampaian Dividen Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Penyerahan Kunci rumah PBR pada hari ini. Dengan terlaksananya program ini, bermakna satu lagi kemudahan yang disediakan oleh RISDA melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan dinikmati oleh masyarakat pekebun kecil Negeri Sembilan.

3

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengurusan RISDA khususnya RISDA Negeri Sembilan atas kesudian menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis ini.

2.0 PENEKANAN KERAJAAN KE ATAS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Bajet 2009 telah memberi nafas baru kepada masyarakat Luar Bandar. Kita boleh melihat ada satu perspektif baru yang memberikan perhatian dan keutamaan baru kepada pembangunan desa. Misi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah supaya kawasan luar bandar di Malaysia menjadi kawasan

4

yang maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakatnya yang progresif, sejahtera dan cemerlang. Dalam bidang ekonomi, Kementerian ini bertanggungjawab untuk menjana dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi desa dengan harapan dapat menarik lebih ramai penduduk untuk tinggal di luar bandar di samping berusaha bagi mengurangkan penghijrahan ke bandar. Atas kesedaran ini dan keprihatinan bagi meningkatkan kedudukan dan imej usahawan luar bandar, KKLW telah menggubal satu Pelan Induk Pembangunan Usahawan Luar Bandar atau PIPUL.

Bagi tujuan meningkatkan ekonomi masyarakat pekebun kecil, RISDA dipertanggungjawabkan untuk memajukan industri luar bandar khususnya meningkatkan bilangan usahawan di kalangan pekebun Kecil di luar bandar. Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil, RISDA melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan, sentiasa mengambil usaha yang berterusan untuk memberi peluang mempelbagaikan sumber pendapatan dalam bidang ternakan, tanaman dan ekonomi desa yang secara langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

3.SENARIO SEKTOR PEKEBUN KECIL DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGARA

Sebagai pengeluar getah utama negara, amat penting sektor pekebun kecil di transform kepada sektor yang lebih dinamik dan berdaya saing untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara secara lebih berkesan.

Ke arah itu, tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan dan kemajuan modal insan di kalangan pekebun kecil untuk menjadikan mereka lebih berpengetahuan, berkemahiran, berinisiatif, berinovatif, proaktif dan berkeusahawanan. Pekebun kecil diberi lebih empowerment untuk mengurus aktiviti

7

perladangan dan pemasaran hasil mereka secara cekap melalui penyatuan kebun. RISDA mahu membentuk pekebun kecil yang progresif yang lengkap dengan kemahiran keusahawanan sehingga mampu menjana pendapatan yang stabil dan berterusan daripada ladang getah dan aktiviti ekonomi lain yang mereka ceburi, contohnya seperti Projek Ternakan Lembu Fidlot Ladang Inas ini yang telah berjaya dan mampu memberi dividen kepada 86 orang peserta yang terlibat.

RISDA juga menyediakan peluang yang lebih untuk pekebun kecil terlibat secara langsung dan aktif dalam aktiviti hulu dan hiliran

8

industri getah. Sebagai contoh di peringkat hulu pekebun kecil boleh terlibat dalam pembekalan benih dan baja untuk keperluan pekebun kecil. Di peringkat hiliran pula pekebun kecil boleh terlibat dalam bidang pemasaran dan prosesan getah keluaran mereka.

Seiring dengan usaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Usahawan Luar Bandar (PIPUL) yang bertujuan untuk membangunkan usahawan luar Bandar yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, RISDA juga telah mengatur beberapa strategi untuk memperkasakan pekebun kecil dalam

9

bidang keusahawanan sebagai pilihan untuk meningkatkan taraf kesejahteraan masyarakat pekebun kecil. Sasaran RISDA menjelang tahun 2010 adalah untuk membangunkan seramai 10,000 orang usahawan.

Setakat ini, RISDA telah melahirkan lebih 5,000 orang usahawan di kalangan pekebun kecil melalui program-program pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan keluarga pekebun kecil. Bidang keusahawanan meliputi pembangunan dan pengurusan ladang, Pembekalan input pertanian, pemasaran, tapak semaian, ternakan, tanaman dan industri desa.

4. NASIHAT KEPADA USAHAWAN

Menjadi seorang usahawan yang berjaya adalah menjadi impian semua orang. Ramai di antara kita yang mempunyai harapan setinggi gunung, tetapi adakah kita berupaya dan sanggup untuk bekerja keras dan berusaha sehingga berjaya? Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang cukup mencabar, penuh dengan risiko. Oleh itu, jika kita mahu menjadi seorang usahawan yang berjaya, kita perlulah membuat persediaan yang serius juga. Oleh itu, saya menyeru kepada Tuan-tuan dan Puan-puan supaya melengkapkan diri dengan pelbagai teknik dan

11

pengetahuan supaya kita tidak mudah di perdaya dan kecundang di tengah jalan. Dengan adanya Projek Ternakan Lembu seperti ini, saya harap para pekebun kecil akan saling bekerjasama sebagai satu kumpulan untuk mewujudkan satu jaringan perniagaan yang mantap. Ibarat kata pepatah, 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

5. PROGRAM BANTUAN RUMAH

Program Bantuan Rumah merupakan satu usaha kerajaan untuk membantu masyarakat luar Bandar yang miskin untuk membina rumah baru ataupun membaik pulih rumah yang sedia ada. Bagi

12

tahun 2009 ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diperuntukkan sejumlah RM..... juta dibawah Program ini. RISDA merupakan salah sebuah agensi di bawah KKLE yang telah disalurkan peruntukan untuk melaksanakan Program ini di lapangan. RISDA telah kenalpasti sejumlah 64 orang yang layak untuk rumah bina baru dan 33 buah rumah untuk dibaikpulih yang layak untuk dilaksanakan di Daerah Kuala Pilah dan Jempol. Dari jumlah ini, sebanyak 20 rumah telah siap untuk diserahkan kunci pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada RISDA! Kepada penerima-penerima rumah, Saya mendoakan agar Tuan-

13

tuan dan Puan-puan akan terus maju dan semoga bantuan rumah yang diterima hari ini dapat menceriakan kehidupan anda semua.

7.PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA atas usaha yang amat murni ini, moga-moga diberkati Allah S.W.T. Semoga Majlis kita pada hari ini menjadi titik permulaan dalam usaha untuk masyarakat pekebun kecil lebih maju lagi di masa hadapan. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera. Saya juga

14

mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan Al- Mubarak yang pun menghampiri kita tidak lama lagi

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' saya menyempurnakan **Majlis Penyampaian Dividen Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Penyerahan Kunci Rumah PBR.**

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.